

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN  
RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH  
(KUALA TERENGGANU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 04.11.2015**

**Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD  
BAHARUDDIN SHAH [ KUALA TERENGGANU ]** minta **MENTERI  
KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk  
meringankan bebanan kewangan bekas mahasiswa dan graduan-graduan  
baru lepasan pengajian tinggi universiti dalam menghadapi situasi hidup  
baru semasa memulakan hidup mereka dalam mencari pekerjaan yang  
sesuai dengan kelulusan dimiliki mereka.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya prihatin

dengan permasalahan beban kewangan dalam kalangan bekas mahasiswa dan graduan-graduan baru lepasan pengajian tinggi universiti dalam menghadapi situasi hidup baru semasa memulakan hidup mereka dalam mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan dimiliki mereka. Sehubungan itu, pelbagai langkah telah diambil bagi meringankan beban kewangan graduan terutamanya dari sudut pembayaran balik pembiayaan pendidikan, perlepasan cukai pendapatan sekiranya sudah bekerja, bantuan tunai seperti BR1M dan program meningkatkan kebolehpasaran graduan dan keusahawanan.

2. Bagi pembayaran balik pembiayaan pendidikan termasuk oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), langkah-langkah mengurangkan bebanan peminjam PTPTN seperti berikut:

i). Dalam Bajet 2015, pembayaran balik pinjaman akan diberi diskaun dan rebat iaitu:

a. Peminjam yang menyelesaikan hutang sekali gus dalam tempoh bermula 10 Oktober 2014 hingga 31 Mac 2015, diskaun 20 peratus akan diberikan ke atas baki jumlah pinjaman mereka; dan

b. Peminjam membayar pinjaman secara konsisten mengikut jadual

selama 12 bulan sehingga 31 Disember 2015, rebat 10 peratus akan diberikan.

ii). Kos pentadbiran pinjaman pendidikan PTPTN telah diturunkan daripada 4 peratus kepada 3 peratus mulai 2004 dan selanjutnya kepada 1 peratus pada Jun 2008.

iii). PTPTN juga telah melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah (pengecualian bayaran balik) mulai tahun 2003 bagi peminjam yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama atau setarafnya.

Selain itu, dalam usaha PTPTN membuat kutipan balik, pertimbangan khas turut diberikan kepada peminjam seperti berikut:

i. Membenarkan penangguhan dibuat terhadap peminjam yang masih melanjutkan pengajian sehingga tamat pengajian;

ii. Membenarkan penangguhan sehingga 24 bulan terhadap peminjam yang masih belum mendapat pekerjaan; dan

iii. Membenarkan peminjam membuat penstrukturan semula pembiayaan dengan amaun ansuran bulanan berasaskan kemampuan bagi tempoh tidak melebihi umur 60 tahun.

3. Bagi individu bujang yang baru bekerja pula dengan pendapatan RM3,333 dan ke bawah, mereka tidak tertakluk kepada pembayaran cukai pendapatan. Ini kerana terdapat pelepasan yang diberikan oleh Kerajaan seperti:

- i. pelepasan diri RM9,000;
- ii. pelepasan caruman KWSP & premium insurans hayat RM6,000; dan
- iii. rebat diri RM400

4. Dari sudut bantuan tunai seperti BR1M, semasa pembentangan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015 yang lalu, Kerajaan bercadang untuk meningkatkan bayaran BR1M bagi individu bujang yang berumur 21 tahun ke atas, serta berpendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan daripada RM350 kepada RM400. Cadangan ini dijangka dapat meringankan beban kewangan graduan yang belum mendapat pekerjaan.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kebolehpasaran graduan, Kerajaan juga menyediakan pelbagai peluang latihan insaniah dan kemahiran seperti Program Latihan 1Malaysia (SL1M)

dan *Graduate Employability Management Scheme* (GEMS). SL1M dan GEMS akan ditingkatkan untuk meliputi lebih 10,000 graduan pada 2015 dan 15,000 graduan pada 2016 dengan bantuan GLC dan sektor swasta sebagai sebahagian tanggungjawab sosial korporat mereka. Menerusi pengumuman Bajet 2016, Kerajaan bercadang memperuntukkan sebanyak RM250 juta untuk program SL1M.

6. Selain daripada itu, graduan juga diterapkan dengan kemahiran keusahawanan bagi melahirkan minda 'pencipta kerja'. Selaras dengan itu, Institut Pengajian Tinggi (IPT) digalakkan untuk meningkatkan komponen amali dalam kursus keusahawanan, memperkenalkan keusahawanan sebagai subjek minor dalam program akademik dan menekankan pendidikan usahawan bagi pelajar yang mengikuti kursus profesional seperti kejuruteraan, farmasi dan perubatan. Kerajaan juga menyediakan pelbagai latihan keusahawanan, skim pembiayaan dan memudahcara perniagaan kepada individu menerusi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN, SME Corp, SME Bank, MARA dan lain-lain lagi.

Dengan usaha-usaha ini, adalah diharapkan supaya bekas mahasiswa dan

graduan-graduan baru lepasan pengajian tinggi universiti dapat mengambil peluang untuk meningkatkan keupayaan diri serta mobiliti di samping tidak mengambil sikap memilih kerja. Penyertaan golongan muda dalam pasaran buruh akan menyumbang kepada aktiviti ekonomi negara.